Kandungan

Rekod Pentaksiran Murid Ekonomi Tingkatan 5 v – viii

▶▶ BAB 1 EKONOMI DAN KERAJAAN

Bab 1A **Peranan Kerajaan dalam Ekonomi** **1**

Nota Pecut PowerPoint 1

1.1.1 Peranan Kerajaan sebagai Pengeluar dan Majikan Info 2

1.1.2 Peranan Kerajaan untuk Mencapai Objektif Makroekonomi Negara Info 4

1.1.3 Peranan Kerajaan dalam Mengawal Selia Pengeluar dan Eksternaliti Negatif PAK-21 8

1.1.4 Matlamat Kerajaan untuk Menjaga Kebajikan Masyarakat dan Meningkatkan Kemakmuran Negara Praktis 11

Praktis SPM 1A 15

Bab 1B **Penunjuk Ekonomi** **21**

Nota Pecut PowerPoint 21

1.2.1 Indeks Harga Pengguna Info 23

1.2.2 Inflasi Komik 24

1.2.3 Kesan Inflasi Video PAK-21 25

1.2.4 Pengangguran Info 26

1.2.5 Jenis Pengangguran 26

1.2.6 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Video 28

1.2.7 Pertumbuhan Ekonomi Malaysia Video 29

1.2.8 Sebab dan Akibat Pertumbuhan Ekonomi Praktis 30

Praktis SPM 1B 35

Bab 1C **Alat Dasar Ekonomi** **41**

Nota Pecut PowerPoint 41

1.3.1 Dasar Fiskal Video Komik 45

Rekod Pentaksiran Murid

Ekonomi Tingkatan 5

Nama: ..... *Tingkatan:* .....

BAB	STANDARD PRESTASI		PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	DESKRIPTOR	(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
1 EKONOMI DAN KERAJAAN	**Peranan Kerajaan dalam Ekonomi**			
	1	Menyatakan tiga peranan kerajaan dalam ekonomi		
	2	Menghuraikan tiga peranan kerajaan dalam ekonomi		
	3	Menjelaskan tiga peranan kerajaan dalam ekonomi dan memberi contoh dasar, program dan alat yang berkaitan dengan peranan tersebut		
	4	Menganalisis dan menghubungkait ketiga-tiga peranan kerajaan dengan tujuan menjaga kebajikan masyarakat dan meningkatkan kemakmuran negara		
	5	Meramalkan apa yang akan berlaku kepada ekonomi negara tanpa peranan kerajaan		
	6	Menganalisis ketiga-tiga peranan kerajaan dan memberi cadangan skop peranan		
	Penunjuk Ekonomi			
	1	Menyatakan penunjuk yang digunakan untuk mengukur prestasi ekonomi sesebuah negara		
	2	Menerangkan maksud inflasi, pengangguran dan KDNK		
	3	Menjelaskan perubahan corak inflasi, kadar pengangguran dan pertumbuhan ekonomi dalam satu jangka masa berdasarkan data sebenar		

Bab
1A Peranan Kerajaan dalam Ekonomi

NOTA PECUT



POWERPOINT

1. Peranan kerajaan sebagai pengeluar dan majikan:

(a) **Sebagai pengeluar yang menyediakan barang awam dan barang sosial**

Barang awam	Barang sosial
Barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh kerajaan kepada semua anggota masyarakat dan tidak bermotifkan keuntungan seperti jalan raya.	Barang atau perkhidmatan yang membawa manfaat terbesar kepada semua masyarakat seperti bekalan air bersih.

(b) **Monopoli semula jadi kerajaan**

Maksud: Pengeluaran barang atau perkhidmatan yang hanya dibenarkan untuk firma yang berkaitan kerajaan.

Ciri-ciri monopoli semula jadi kerajaan:

- Satu firma sahaja
- Keluaran tidak ada pengganti
- Penentu harga pasaran
- Tiada kebebasan keluar masuk industri

(c) **Peranan kerajaan sebagai majikan**

– Menawarkan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan awam.

2. Peranan kerajaan untuk mencapai objektif makroekonomi negara:

– Maksud makroekonomi: Kajian mengenai ekonomi secara menyeluruh dalam isu umum seperti pendapatan atau keluaran negara, guna tenaga dan masalah pengangguran.

– Objektif makroekonomi terdiri daripada **guna tenaga penuh**, **kestabilan harga**, **pertumbuhan ekonomi** dan **kestabilan imbangan pembayaran**.

– Kesan pencapaian guna tenaga penuh ialah:

(a) Pengurangan kadar pengangguran
(b) Pengeluaran barang dan perkhidmatan yang banyak
(c) Peningkatan tingkat pendapatan negara
(d) Pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi
(e) Peningkatan taraf hidup penduduk

– Kesan pertumbuhan ekonomi ialah:

(a) Peningkatan dalam kegiatan ekonomi
(b) Penambahan peluang pekerjaan
(c) Peningkatan guna tenaga
(d) Penurunan kadar pengangguran
(e) Peningkatan pendapatan negara
(f) Peningkatan kuasa beli masyarakat
(g) Peningkatan permintaan agregat
(h) Peningkatan taraf hidup masyarakat

3. Peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif:

(a) Aktiviti pengeluaran firma boleh menjejaskan kebajikan masyarakat melalui dua cara iaitu:

– Mengeksploitasi pengguna
– Menimbulkan eksternaliti negatif

(b) Cara mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif termasuk:

– Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan
– Pemberian subsidi
– Mengenakan cukai


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 2 – 6

1.1.1 Peranan Kerajaan sebagai Pengeluar dan Majikan

1. Lengkapkan peta i-THINK berikut tentang barang awam dan barang sosial.

SP 5.1.1



INFO

Jenis-jenis Barang dalam Ekonomi



2. Maklumat di bawah berkaitan dengan satu firma milik kerajaan.

TP 3

SP 5.1.1

TENAGA NASIONAL

Tenaga Nasional Berhad (TNB) merupakan sebuah syarikat bekalan elektrik yang terbesar di Malaysia.

Jelaskan **empat** ciri monopoli semula jadi di atas.

Kata Kunci Satu firma sahaja, penentu harga, halangan kemasukan pasaran

(a) Terdapat hanya satu firma yang mengeluarkan barang atau perkhidmatan dalam monopoli semula jadi

(b) Barang keluaran firma kerajaan tidak dikeluarkan oleh firma lain

(c) Kerajaan merupakan penentu tunggal bagi harga barangan atau perkhidmatan

(d) Tiada kebebasan keluar masuk industri disebabkan wujudnya halangan seperti perlindungan undang-undang

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aktiviti 1.1.1

Buku Teks ms. 6

TP 3

(a) Peranan kerajaan sebagai pengeluar

SP 5.1.1

(b) Sebab projek tersebut tidak dikeluarkan oleh firma swasta:

- Tidak menguntungkan.
- Pembinaan projek tersebut memerlukan kos modal yang tinggi.
- Hanya mampu dibiayai oleh kerajaan selepas mengumpul dana daripada masyarakat melalui kutipan cukai.

(c) Kebajikan masyarakat dapat ditingkatkan.

- Barang awam merupakan barang penting kepada masyarakat, jika barang ini tidak dikeluarkan oleh kerajaan, kebajikan masyarakat terjejas. Pengeluaran barang awam oleh kerajaan membolehkan setiap anggota masyarakat menggunakan barang awam dengan bayaran minimum atau tanpa bayaran.

TP 4

(d) Kesan projek tersebut terhadap ekonomi negara:

- Menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara
- Kegiatan ekonomi negara meningkat
- Penambahan peluang pekerjaan
- Peningkatan guna tenaga
- Kadar pengangguran menurun
- Peningkatan pendapatan negara
- Peningkatan kuasa beli dan permintaan agregat
- Peningkatan taraf hidup rakyat

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 2 – 6


1.1.2 Peranan Kerajaan untuk Mencapai Objektif Makroekonomi Negara

3. Dengan menggunakan peta i-THINK yang sesuai, tunjukkan objektif makroekonomi yang hendak dicapai oleh kerajaan.

SP 5.1.2

INFO

Mikroekonomi vs Makroekonomi






Terima jawapan lain yang munasabah

4. Berdasarkan rajah di bawah, lengkapkan pernyataan yang berikut tentang guna tenaga.

SP 5.1.2



(a) Jumlah penduduk sesuatu negara boleh dikelaskan kepada tiga golongan, iaitu penduduk yang berumur kurang daripada 15 tahun, penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun, dan penduduk yang berumur lebih daripada 64 tahun.

(b) Penduduk yang sanggup bekerja merupakan mereka yang berumur 15 hingga 64 tahun, tetapi terdapat golongan yang merupakan bukan tenaga buruh yang terdiri daripada orang cacat, pelajar, suri rumah tangga dan sebagainya yang tidak bekerja.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Tenaga buruh terdiri daripada guna tenaga dan penganggur.

(d) Guna tenaga merupakan jumlah tenaga buruh yang digunakan oleh sesebuah negara dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan.

(e) Penganggur pula ialah tenaga buruh yang sepatutnya bekerja tetapi tidak bekerja.

(f) Pengangguran merupakan suatu situasi di mana terdapat orang yang sanggup bekerja tetapi tidak mempunyai pekerjaan.

(g) Guna tenaga penuh merujuk kepada keadaan di mana semua tenaga buruh digunakan sepenuhnya dalam kegiatan ekonomi. Kadar pengangguran sebanyak 4% atau kurang disebut guna tenaga penuh.

5. Maklumat berikut menunjukkan keadaan tenaga buruh di Malaysia selama empat tahun berturut-turut.

SP 5.1.2

Tahun	Tenaga buruh ('000)	Guna tenaga ('000)	Pengangguran ('000)	Kadar pengangguran (%)
2019	15 581.6	15 073.4	508.2	3.3
2020	15 667.7	14 956.7	711.0	4.5
2021	15 797.2	15 064.2	733.0	4.6
2022	16 022.1	15 391.7	630.4	3.9

Sumber: *Jabatan Perangkaan Malaysia*

(a) Berdasarkan jadual di atas, tahun manakah Malaysia mencapai guna tenaga penuh dan tidak mencapai guna tenaga penuh. Berikan alasan anda.

(i) Mencapai guna tenaga penuh:

Malaysia mencapai guna tenaga penuh pada tahun 2019 dan 2022 kerana kadar pengangguran berada pada paras di bawah 4%, iaitu 3.3% pada tahun 2019 dan 3.9% pada tahun 2022.

(ii) Tidak mencapai guna tenaga penuh:

Malaysia tidak mencapai guna tenaga penuh pada tahun 2020 dan 2021 kerana kadar pengangguran melebihi 4%, iaitu 4.5% pada tahun 2020 dan 4.6% pada tahun 2021.


(b) Senaraikan **empat** manfaat yang akan diperoleh Malaysia apabila mencapai tahap guna tenaga yang tinggi.

- Aktiviti ekonomi berjalan dengan giat.
- Jumlah pengeluaran barang dan perkhidmatan dalam pasaran adalah tinggi.
- Pendapatan negara meningkat.
- Pertumbuhan ekonomi negara menjadi semakin baik.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

6. Rajah di bawah menunjukkan kadar inflasi di Malaysia dari tahun 2011 hingga tahun 2024.

SP 5.1.2



Sumber: *Jabatan Perangkaan Malaysia*

(a) Salah satu objektif makroekonomi yang ingin dicapai oleh pihak kerajaan adalah kestabilan harga. Jelaskan bagaimana perubahan tingkat harga umum dapat mempengaruhi kestabilan harga.

- Jika tingkat harga umum meningkat secara berterusan, maka inflasi akan berlaku.
- Jika tingkat harga umum menurun secara berterusan, maka deflasi atau kemelesetan ekonomi akan berlaku.

(b) Berikan **dua** sebab mengapa kerajaan ingin mencapai kestabilan harga barang dan perkhidmatan di Malaysia.

- Menjamin kuasa beli pengguna yang stabil
- Memastikan kos sara hidup yang terkawal

(c) Lengkapkan kedua-dua peta alir di bawah untuk menerangkan kesan yang akan berlaku apabila negara menghadapi inflasi dan deflasi.

Kesan inflasi

(i) Tingkat harga umum meningkat secara berterusan → (ii) Kos sara hidup meningkat → (iii) Kuasa beli pengguna menurun

Kesan deflasi

(iv) Tingkat harga umum menurun secara berterusan → (v) Firma mengalami kerugian dan terpaksa membuang pekerja → (vi) Kadar pengangguran meningkat

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

7. Jadual di bawah menunjukkan kadar pertumbuhan bagi dua buah negara dari tahun 2019 hingga tahun 2021.

SP 5.1.2

Negara	Kadar pertumbuhan negara (%)		
	2019	2020	2021
Negara X	4.3	–4.5	6.5
Negara Y	1.5	–9.8	5.9

Negara yang manakah mempunyai prestasi ekonomi yang lebih stabil? Jelaskan jawapan anda.

Negara X mempunyai prestasi ekonomi yang lebih stabil. Ini adalah kerana kadar pertumbuhan negara bagi negara X tidak menurun secara drastik pada tahun 2020 berbanding dengan negara Y. Pada tahun 2021, apabila ekonomi negara mulai berpulih, kadar pertumbuhan negara juga meningkat secara stabil. (Terima jawapan lain yang munasabah)

8. Maklumat di bawah menunjukkan dua situasi berkaitan dengan keadaan imbangan pembayaran.

SP 5.1.2

Situasi A	Situasi B
Jumlah aliran wang masuk ke dalam negara lebih besar berbanding aliran wang keluar ke negara lain.	Jumlah aliran wang keluar ke negara lain lebih besar berbanding aliran wang masuk ke dalam negara.

(a) Antara Situasi A dan Situasi B, nyatakan situasi yang lebih baik untuk membantu mencapai objektif makroekonomi kerajaan. Jelaskan jawapan anda.

Situasi A. Apabila aliran wang masuk ke dalam negara lebih tinggi daripada aliran wang keluar ke negara lain, maka wujud lebihan imbangan pembayaran yang menandakan ekonomi berada dalam keadaan baik. Lebihan ini boleh membantu kerajaan mencapai objektif makroekonomi.

(b) Berdasarkan situasi yang dipilih di (a), jelaskan cara-cara yang boleh dilakukan untuk mewujudkan imbangan pembayaran tersebut.

Lebihan imbangan pembayaran boleh diperbaiki dengan:

- Meningkatkan nilai eksport barangan dan perkhidmatan
- Menggalakkan kemasukan pelaburan asing.

(c) Kemukakan **tiga** kebaikan yang akan diperoleh apabila negara mencapai imbangan pembayaran lebihan.

- Rizab pertukaran asing di bank pusat akan bertambah.
- Nilai mata wang tempatan semakin meningkat.
- Kegiatan ekonomi dalam negara semakin pesat.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 13 – 18

1.1.3 Peranan Kerajaan dalam Mengawal Selia Pengeluar dan Eksternaliti Negatif

9. Nyatakan **tiga** cara kerajaan mengawal eksternaliti negatif dan eksploitasi pengguna.

SP 5.1.3

(a) Pelaksanaan undang-undang dan peraturan

(b) Pemberian subsidi

(c) Pengenaan cukai



10. Berdasarkan setiap gambar yang ditunjukkan, jelaskan satu eksternaliti negatif yang berlaku akibat daripada aktiviti ekonomi yang berkenaan.

SP 5.1.3

(a)



Jenis aktiviti ekonomi:

(i) Aktiviti perindustrian

Eksternaliti negatif:

(ii) Pelepasan asap daripada kilang boleh menyebabkan pencemaran udara.

atau

Pembuangan sisa industri ke dalam sungai menyebabkan pencemaran air yang merosakkan ekosistem dan sumber pendapatan nelayan.

(b)



Jenis aktiviti ekonomi:

(i) Aktiviti pengangkutan

Eksternaliti negatif:

(ii) Pertambahan kenderaan yang banyak menyebabkan kesesakan lalu lintas, meningkatkan pencemaran udara dan membazirkan masa pengguna jalan raya.

(c)



Jenis aktiviti ekonomi:

(i) Pelancongan

Eksternaliti negatif:

(ii) Pelancong yang terlalu ramai di kawasan pelancongan negara menyebabkan pencemaran bunyi, kesesakan lalu lintas yang mengganggu keamanan dan keharmonian penduduk tempatan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

11. Gambar di bawah menunjukkan keadaan kesesakan lalu lintas.

SP 5.1.3



Bagaimanakah kerajaan membendung masalah tersebut?

(a) Menaikkan cukai ke atas kereta

(b) Mengetatkan syarat pembelian kereta

(c) Mengurangkan subsidi minyak



Aktiviti 1.1.3

Buku Teks ms. 18

(a) Sebab kerajaan memberi subsidi atas minyak masak:

- Menstabilkan harga barang
- Mengurangkan kos pengeluaran firma

(b) Setuju: TP 4

- Dapat mengurangkan beban kerajaan
- Perbelanjaan kerajaan turun
- Defisit kerajaan menurun
- Mengurangkan aktiviti penyeludupan bahan asas ke negara jiran
- Golongan sasar tetap menikmati subsidi kerajaan


Tidak setuju

- Kos memasak peniaga meningkat
- Keuntungan peniaga menurun
- Harga makanan meningkat
- Kos perbelanjaan isi rumah meningkat
- Pendapatan boleh guna isi rumah menurun
- Tabungan isi rumah terjejas
- Kuasa beli isi rumah menurun
- Kos sara hidup meningkat
- Taraf hidup masyarakat terjejas

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

12. (a) Lengkapkan rajah di bawah tentang peranan kerajaan dalam ekonomi. TP 1

SP 5.1.3



(b) Jelaskan setiap peranan kerajaan dalam ekonomi. TP 2

Sebagai pengeluar dan majikan

- Kerajaan mengeluarkan barang awam dan barang sosial
- Untuk meningkatkan kebajikan dan kemakmuran masyarakat
- Kerajaan memainkan peranan sebagai majikan dengan menawarkan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan awam

Mencapai objektif makroekonomi

- Kajian mengenai ekonomi secara menyeluruh dalam isu umum
- Seperti pendapatan / keluaran negara / guna tenaga / masalah pengangguran
- Contoh: guna tenaga penuh / pertumbuhan ekonomi / kestabilan harga / kestabilan imbangan pembayaran

Mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif

- Kerajaan memantau aktiviti pengeluar melalui undang-undang / peraturan
- Mengawal eksploitasi pengguna dengan mengisytiharkan sesetengah barang sebagai barang kawalan
- Memberi subsidi kepada pengeluar untuk mengurangkan kos pengeluaran / menstabilkan harga dalam pasaran
- Memberi subsidi kepada pengeluar yang menggunakan teknologi hijau dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan
- Mengenakan cukai ke atas barang atau perkhidmatan yang boleh menjejaskan kesihatan seperti rokok dan alkohol / menyebabkan pencemaran alam sekitar

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 19 – 21

1.1.4 Matlamat Kerajaan untuk Menjaga Kebajikan Masyarakat dan Meningkatkan Kemakmuran Negara

13. Maklumat di bawah berkaitan dengan peranan kerajaan dalam ekonomi. **TP 4**

SP 5.1.4

- Peranan kerajaan sebagai pengeluar dan majikan
- Peranan kerajaan untuk mencapai objektif makroekonomi
- Peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif

Bagaimanakah ketiga-tiga peranan di atas mampu meningkatkan kebajikan dan kemakmuran negara? Jelaskan.

Kata Kunci barang awam/barang sosial, kebajikan masyarakat, guna tenaga, pertumbuhan ekonomi, undang-undang, pencemaran

– Kerajaan memainkan peranan sebagai pengeluar dengan menyediakan barang awam / barang sosial yang tidak dikeluarkan oleh pihak swasta

– Untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan masyarakat

– Contoh kemudahan yang disediakan oleh kerajaan: kemudahan asas / sistem pendidikan yang lengkap / kemudahan kesihatan

– Kerajaan memainkan peranan sebagai majikan dengan menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor awam

– Situasi ini membolehkan masyarakat menyumbangkan tenaga dari segi fizikal dan mental

– Guna tenaga memperoleh ganjaran dalam bentuk gaji

– Peranan kerajaan sebagai pengeluar dapat membantu negara mencapai objektif guna tenaga penuh

– Kemudahan lengkap yang disediakan oleh kerajaan mampu menarik pelabur dari luar negara

– Kemasukan aliran modal ke dalam negara akan memperbanyakkan lagi aktiviti pengeluaran dalam negara, seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi negara

– Apabila aliran modal yang masuk ke dalam negara melebihi aliran modal ke luar negara, ia mampu mencapai imbangan pembayaran lebihan

– Kepelbagaian aktiviti pengeluaran memerlukan pemantauan daripada pihak kerajaan

– Untuk memastikan pengeluar tidak menindas kebajikan pengguna dengan mengaut keuntungan yang berlebihan / mengancam kesejahteraan alam sekitar

– Kerajaan memainkan peranan melalui undang-undang dan peraturan / cukai / subsidi untuk mengawal selia aktiviti pengeluar / eksternaliti negatif

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

14. Ramalkan **tiga** kesan negatif yang mungkin berlaku terhadap ekonomi negara sekiranya tiada campur tangan kerajaan dalam ekonomi. Berikan justifikasi yang kukuh untuk menyokong jawapan anda.

SP 5.1.4

Kata Kunci: Ketidakstabilan ekonomi, Ketidaksamaan pendapatan, Barang awam

TP 5

Ketidakstabilan ekonomi

Tanpa campur tangan kerajaan, ekonomi berisiko mengalami turun naik yang lebih ketara kerana mekanisme pasaran mungkin mengambil masa yang lama untuk mencapai (i) keseimbangan semula. Ini akan menyebabkan (ii) kebajikan rakyat terjejas. Sebagai contoh, apabila harga barang (iii) meningkat dengan mendadak, jika kerajaan tidak campur tangan dengan mengawal harga (iv) maksimum, atau memberi bantuan kewangan kepada rakyat, kuasa beli rakyat akan (v) jatuh, rakyat tidak dapat menikmati (vi) barangan dan perkhidmatan yang diperlukan. Maka taraf hidup rakyat turut terjejas.

Peningkatan ketidaksamaan pendapatan

Sistem ekonomi yang dibiarkan tanpa kawalan kerajaan cenderung memihak kepada golongan (i) berpendapatan tinggi, sekali gus melebarkan jurang (ii) pendapatan antara golongan kaya dan miskin. Situasi ini berlaku kerana tiada mekanisme (iii) agihan semula pendapatan dan kekayaan untuk meningkatkan (iv) kualiti hidup golongan yang kurang bernasib baik. Program kebajikan sosial, pendidikan berkualiti dan sistem cukai progresif yang dilaksanakan kerajaan amat penting untuk mengurangkan (v) ketidaksamaan ini.

Kekurangan penyediaan barang awam

Ketiadaan campur tangan kerajaan menyebabkan barang awam seperti jalan raya, taman rekreasi awam dan perkhidmatan kesihatan tidak dapat disediakan secara mencukupi. Hal ini berlaku kerana pihak swasta tidak berminat membekalkan barang awam yang tidak (i) menguntungkan. Kerajaan dapat memastikan kemudahan ini dibina, diselenggara dan dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat demi (ii) kesejahteraan hidup.

Tiada perlindungan terhadap pengguna dan pekerja

Bagi pengguna, ketiadaan peraturan dan undang-undang kerajaan boleh menyebabkan firma mengeluarkan barangan berkualiti (i) rendah, mengenakan harga yang tidak (ii) munasabah atau memasarkan produk yang membahayakan kesihatan. Bagi pekerja pula, majikan mungkin mengambil kesempatan dengan membayar upah yang (iii) rendah, memanjangkan waktu kerja tanpa bayaran lebih masa atau menyediakan persekitaran kerja yang tidak (iv) selamat. Oleh itu, peraturan dan undang-undang perlindungan pengguna dan buruh adalah penting bagi menjaga (v) kebajikan mereka.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

15. Situasi di bawah berkaitan dengan program yang dilaksanakan oleh kerajaan. **TP 6**

SP 5.1.4

Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)

Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) merupakan satu program kerjasama antara kerajaan dan syarikat swasta untuk mengurangkan pengangguran dalam kalangan belia Malaysia. Di bawah program ini, syarikat swasta akan merekrut, menemu duga dan melatih belia serta pelajar untuk memperbaiki kebolehan mereka dari aspek komunikasi, pemikiran kreatif dan sahsiah. Ia ditanggung oleh pemain industri berkenaan. Semenjak Program SL1M dilancarkan pada tahun 2011 sehingga Disember 2016, seramai 99 000 graduan telah menerima latihan melalui program ini.

Bilangan Sekolah, Murid dan Guru di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia

Kerajaan Malaysia menyediakan pendidikan percuma kepada 5 074 612 orang murid dengan menggaji 421 828 orang guru yang mengajar di 7 772 buah sekolah rendah dan 2 408 buah sekolah menengah di seluruh negara. Dalam Bajet 2016, kerajaan telah memperuntukkan RM41.3 bilion kepada Kementerian Pendidikan.

Subsidi bernilai RM10 bilion di bawah Bajet 2017

Peruntukan subsidi kerajaan di bawah bajet 2017 ialah RM10 bilion yang akan digunakan untuk bahan api, gas memasak, pampasan tol dan pengangkutan awam. Untuk membantu pesawah pula, kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion untuk harga padi, benih dan baja padi. Di samping itu, kerajaan juga menyediakan bantuan sebanyak RM250 juta untuk membantu pekebun kecil getah dengan membeli getah pada harga lantai.

(a) Kenal pasti peranan kerajaan bagi setiap situasi di atas.

- SL1M ialah program untuk mencapai objektif makroekonomi negara iaitu mencapai guna tenaga penuh.
- Penyediaan pendidikan percuma ialah peranan kerajaan sebagai pengeluar dan majikan.
- Pemberian subsidi menunjukkan peranan kerajaan untuk mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif.

(b) Wajarkah kerajaan menyediakan pendidikan percuma? Berikan huraian anda secara terperinci.

Ya, kerana:

– Meningkatkan kadar celik huruf dalam kalangan masyarakat
– Menjaga kebajikan masyarakat
– Melahirkan sumber manusia yang lebih berdaya saing
– Mengurangkan beban kewangan masyarakat
– Mampu menyediakan pendidikan yang selaras untuk semua rakyat
– Mewujudkan perpaduan kaum
– Menggalakkan pelaburan asing
– Menurunkan kadar kemiskinan
– Mewujudkan peluang pekerjaan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Ada pihak yang berpendapat bahawa kerajaan sepatutnya menyediakan pendidikan percuma sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Adakah anda bersetuju dengan cadangan tersebut? Berikan pendapat anda.

Tidak, kerana:

– Kos pendidikan tinggi terlalu mahal

– Kerajaan telah memberi subsidi sehingga 90%

– Menambahkan beban kewangan kerajaan

– Masih memerlukan sumber kewangan untuk membangunkan bidang lain seperti perumahan dan kesihatan

– Merupakan tanggungjawab ibu bapa untuk menyediakan tabungan yang mencukupi untuk yuran pendidikan anak mereka

– Ada skim pembiayaan pendidikan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN)

(d) Jelaskan kesan pemberian subsidi terhadap pesawah padi.

Kesan pemberian subsidi terhadap pesawah padi:

– Pengeluaran padi meningkat

– Mengeluarkan padi dengan kos yang lebih rendah

– Pendapatan pesawah meningkat

– Kuasa beli pesawah meningkat

– Taraf hidup pesawah meningkat

– Menarik lebih ramai individu menceburkan diri dalam penanaman padi

(e) Selain SL1M, senaraikan program-program kerajaan yang lain untuk membantu pembangunan sumber manusia di Malaysia.

– Menubuhkan "Talent Corporation"

– Menubuhkan institusi kemahiran seperti kolej vokasional dan Institusi Latihan Perindustrian

– Mewujudkan tabung pembangunan sumber manusia untuk latihan pekerja

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis SPM 1A

Kertas 1

Pilih jawapan yang paling **tepat**.

1. Buku Teks ms. 2 – 6
Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan kerajaan dalam ekonomi?
I Mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif
II Memastikan kestabilan imbangan pembayaran
III Menetapkan harga dan kuantiti keseimbangan
IV Menghasilkan barangan percuma dan barangan modal
A I dan II **C** II dan III
B I dan III **D** III dan IV

2. Buku Teks ms. 2 – 6
Antara yang berikut, yang manakah ciri barang awam?
A Disediakan oleh pihak swasta
B Disediakan oleh pihak kerajaan tempatan
C Perlu dibayar oleh pengguna
D Penawaran tidak terhad

3. Buku Teks ms. 2 – 6
Antara yang berikut, yang manakah tujuan kerajaan menyediakan barang awam?
A Memajukan negara
B Kos pengeluaran murah
C Menjaga kebajikan rakyat
D Mewujudkan persaingan antara penduduk bandar dengan luar bandar

4. Buku Teks ms. 2 – 6
Gambar 1 menunjukkan logo sesuatu firma kerajaan.

TENAGA NASIONAL BERHAD

Gambar 1

Mengapakah pihak swasta tidak dapat menyediakan barang yang dikeluarkan oleh firma di atas?
A Kos pengeluaran tinggi
B Kos pengeluaran rendah
C Barang tidak mempunyai pengganti
D Harga barang tidak dapat ditentukan oleh pasaran

5. Buku Teks ms. 2 – 6
Antara yang berikut, situasi yang manakah menunjukkan faedah sampingan kepada penjawat awam?
I Puan Wan Halimah menunaikan umrah pada bulan depan
II Encik Pathma menggunakan wang pesara untuk melancong ke Hyrabad, India
III Cik Cindy dapat menikmati perubatan percuma yang disediakan oleh majikannya
IV Encik Farhan memperoleh kupon makanan di kantin
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

6. Buku Teks ms. 7 – 12
Antara yang berikut, yang manakah merupakan masalah makroekonomi?
I Inflasi III Kekurangan
II Deflasi IV Kos lepas
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

7. Buku Teks ms. 7 – 12
Antara yang berikut, yang manakah pemboleh ubah makroekonomi yang digunakan untuk mengukur pencapaian kegiatan ekonomi sebuah negara?
A Pendapatan negara
B Kadar pengangguran
C Kos pengeluaran
D Faedah sosial

8. Buku Teks ms. 7 – 12
Antara yang berikut, situasi yang manakah menunjukkan bahawa sesebuah negara mencapai guna tenaga penuh?
A Imbangan pembayaran mengalami defisit
B Kadar pengangguran kurang daripada 4%
C Nilai import melebihi nilai eksport
D Kadar kemiskinan menurun

9. Buku Teks ms. 2 – 6
Situasi yang manakah boleh menyebabkan berlakunya inflasi tarikan permintaan?
A Berlaku lebihan permintaan terhadap barangan
B Kos pengeluaran meningkat akibat kenaikan harga input
C Jumlah wang dalam edaran berkurang secara mendadak
D Pendapatan pengguna menurun dengan ketara

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

10. Buku Teks ms. 13 – 18
Gambar 2 menunjukkan sesuatu aktiviti yang dilakukan.



Gambar 2

Apakah kesan eksternaliti akibat daripada aktiviti di atas?

A Meningkatkan kadar kemiskinan
B Menambahkan pendapatan negara
C Tahap kesihatan rakyat menurun
D Penggunaan elektrik meningkat

11. Buku Teks ms. 13 – 18
Antara yang berikut, yang manakah eksternaliti negatif?

I Pembuangan sampah dari kilang kayu
II Mengimbangi ekosistem
III Mengurangkan kadar pengangguran
IV Mengeluarkan gas dari kilang getah

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

12. Buku Teks ms. 13 – 18
Mengapakah kerajaan menawarkan subsidi kepada pengeluar dalam proses pengeluaran?

A Mengawal harga barang
B Menguatkuasakan undang-undang
C Mengurangkan kos pengeluaran petani
D Memaksimumkan kebajikan masyarakat

13. Buku Teks ms. 13 – 18
Antara yang berikut, yang manakah merupakan barang kawalan?

A Ayam dan lada hitam
B Ayam dan tepung
C Minyak dan baju
D Minyak masak dan gandum

14. Buku Teks ms. 13 – 18
Antara berikut, langkah yang manakah dapat mengurangkan kesan luaran negatif?

A Mengawal harga barangan keperluan
B Memberikan subsidi untuk mengurangkan kos pengeluaran
C Menempatkan kawasan perindustrian jauh dari kawasan perumahan
D Mengenakan cukai ke atas barangan kosmetik yang memudaratkan kesihatan

15. Buku Teks ms. 13 – 18
Antara yang berikut, yang manakah kesan pertumbuhan ekonomi?

I Penciptaan peluang pekerjaan yang banyak
II Penurunan kuasa beli rakyat
III Kemerosotan tenaga buruh
IV Kadar pengangguran kurang daripada 4%

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan 16 *hingga* **21** *berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.*

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

16. I Kerajaan merupakan satu unit ekonomi yang menggubalkan undang-undang kerajaan.
B II Kerajaan menyediakan kemudahan asas untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat.

17. I Barang awam dikenakan bayaran paling maksimum.
D II Barang sosial kurang memberi manfaat kepada rakyat.

18. I Guna tenaga penuh bukan pemboleh ubah makroekonomi untuk mencapai objektif makroekonomi negara.
B II Guna tenaga penuh merujuk kepada kadar pengangguran kurang daripada 4%.

19. I Undang-undang dalam mengawal selia pengeluar ialah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan
A II Dasar harga maksimum merupakan penetapan harga yang lebih tinggi daripada harga keseimbangan.

20. I Kadar pengangguran kurang daripada 4% dapat mencapai guna tenaga penuh.
C II Kerajaan campur tangan dalam ekonomi untuk mengawal kuasa pasaran supaya harga barang dapat distabilkan.

21. I Mengeksploitasi pengguna merujuk kepada kos luaran yang ditanggung oleh masyarakat.
B II Kuota merupakan had penawaran suatu barang pada suatu tingkat harga tertentu.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kertas 2

Bahagian A

1. (a) Gambar 1 menunjukkan barang yang disediakan oleh kerajaan.



Gambar 1

Jelaskan tujuan kerajaan menyediakan barang di atas.

– Barang awam [1m]
– Dikeluarkan oleh pihak kerajaan [1m]
– Tujuan adalah memaksimumkan kebajikan masyarakat [1m]
– Meningkatkan taraf hidup rakyat [1m]
– Perbelanjaan pembangunan dalam sektor perkhidmatan sosial [1m]
– Memupuk budaya dan tabiat membaca dalam kalangan rakyat [1m]
– Menawarkan peluang pekerjaan [1m]

[5 *markah*]

(b) Gambar 2 menunjukkan suatu firma kerajaan.

Gambar 2

Jelaskan ciri firma kerajaan tersebut.

– Monopoli semula jadi [1m]
– Terdapat satu firma tunggal [1m]
– Keluaran tidak ada pengganti [1m]
– Penentu harga pasaran [1m]
– Tiada kebebasan keluar masuk dalam industri [1m]

[5 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Berikan **empat** jenis faedah sampingan kepada seorang penjawat awam.

– Elaun perumahan dan elaun sara hidup (COLA) [1m]

– Kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan [1m]

– Imbuhan tetap khidmat awam [1m]

– Pencen selepas bersara [1m]

– Cuti tahunan mengikut kelayakan [1m]

– Cuti bersalin [1m]

[4 *markah*]

(d) Terangkan **tiga** objektif makroekonomi yang hendak dicapai oleh kerajaan.

Guna tenaga penuh [1m]

– Kadar pengangguran di sesebuah negara berada pada tahap yang rendah iaitu kurang daripada 4% [1m]

Kestabilan harga [1m]

– Kerajaan harus memastikan kestabilan harga di dalam negara supaya tidak berlaku inflasi atau deflasi [1m]

Pertumbuhan ekonomi [1m]

– Pembangunan ekonomi berbentuk fizikal seperti pertambahan keluaran barang dan perkhidmatan, pertambahan infrastruktur dan peningkatan pembangunan ekonomi lain [1m]

Kestabilan imbangan pembayaran [1m]

– Imbangan pembayaran merekod aliran wang masuk dan keluar akibat daripada perdagangan antarabangsa dalam tempoh satu tahun [1m]

– Sekiranya aliran wang masuk melebihi aliran wang keluar, maka imbangan pembayaran lebihan tercapai [1m]

– Sekiranya aliran wang masuk kurang daripada aliran wang keluar, maka imbangan pembayaran defisit berlaku [1m]

[6 *markah*]

2. (a) Bezakan konsep barang awam dan barang sosial.

Barang awam

– Dikeluarkan oleh pihak kerajaan [1m]

– Tujuan adalah memaksimumkan kebajikan masyarakat [1m]

– Meningkatkan taraf hidup rakyat [1m]

– Contohnya balai polis dan sekolah menengah [1m]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Barang sosial

– Barang yang memberi manfaat kepada golongan masyarakat yang ramai [1m]

– Tujuan adalah memaksimumkan kebajikan masyarakat [1m]

– Contohnya air bersih (SADA), elektrik (TNB) [1m]

[4 *markah*]

(b) Berikan maksud-maksud berikut:

(i) Pertumbuhan ekonomi

– Pembangunan ekonomi berbentuk fizikal seperti pertambahan keluaran barang dan perkhidmatan, pertambahan infrastruktur dan peningkatan pembangunan ekonomi lain [1m]

– Ianya merupakan alat untuk mengukur prestasi pembangunan negara [1m]

– Pertumbuhan ekonomi ialah peningkatan dalam kegiatan ekonomi yang menyebabkan pertambahan keluaran (KDNK benar) dalam sesebuah ekonomi [1m]

[2 *markah*]

(ii) Imbangan pembayaran

– Imbangan pembayaran ialah penyata kewangan yang merekodkan nilai semua urus niaga dan aliran wang antara negara dalam satu tahun [1m]

– Ianya merupakan alat untuk mengukur keadaan perdagangan luar negara [1m]

[2 *markah*]

(c) Jelaskan cara kerajaan dapat mengawal eksploitasi pengguna melalui undang-undang dan peraturan.

– Akta kawalan harga dan anti pencatutan [1m]

– Mengisytiharkan sesetengah barang sebagai barang kawalan [1m]

– Tidak membenarkan kenaikan atau penurunan harga barang tanpa kelulusan / persetujuan pihak kerajaan [1m]

– Kerajaan melaksanakan dasar harga maksimum, dasar harga minimum dan kuota [1m]

– Pengeluar perlu mempamerkan bahan yang digunakan dalam penyediaan makanan dan tarikh luput [1m]

– Memantau harga barang dari masa ke masa [1m]

– Menarik balik lesen perniagaan atau mengehadkan lesen perniagaan [1m]

[6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(d) Bagaimanakah kerajaan dapat mengawal kesan eksternaliti negatif?

– Menarik balik lesen dan tidak benarkan beroperasi bagi firma yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang [1m]

– Menentukan kawasan perindustrian / kawasan perumahan / kawasan industri berat dan kawasan industri ringan [1m]

– Menjalankan pemantauan aktiviti pengeluaran firma [1m]

– Pemberian subsidi [1m]

– Kaedah pengeluaran mesra alam sebagai insentif kepada pengeluar [1m]


– Menaikkan cukai terhadap firma yang tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar [1m]

[6 *markah*]

Bahagian B

3. Maklumat berikut berkaitan dengan Aspirasi Keluarga Malaysia 100 Hari.

AKM NO.2- TERAS 4:
MEMPERTINGKAT INFRASTRUKTUR MENYELURUH



MENERUSKAN PELAKSANAAN PROJEK KEMUDAHAN AWAM ASAS LUAR YANG KOMPREHENSIF

PEMBINAAN BAHARU, MENAIK TARAF ATAU MEMBAIK PULIH KEMUDAHAN AWAM ASAS DI BAWAH PROGRAM AMENITI SOSIAL (PAMS)

100 Projek kepada 20,000 penduduk di kawasan luar bandar

POT
Enrolment key ♥
e5b9gVZ*

Sumber: *Kementerian Pembangunan Luar Bandar*

(a) Jelaskan ciri-ciri sistem ekonomi yang diamalkan di Malaysia. [4 *markah*]

(b) Jelaskan tujuan kerajaan melaksanakan projek tersebut. [7 *markah*]

(c) Bagaimanakah kerajaan mencapai objektif makroekonomi melalui pembinaan projek tersebut? [9 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kertas Model SPM

eKMSPM

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

[40 *markah*]

SKOR /100

Arahan: *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan. Jawab* **semua** *soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.*

1. Pasangan manakah yang betul tentang faktor pengeluaran?

A Buruh – sumber semula jadi yang digunakan dalam proses pengeluaran

B Modal – input produktif yang digunakan untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan

C Tanah – faktor pengeluaran yang penawarannya tidak terhad

D Usahawan – individu yang hanya menyediakan tenaga fizikal dalam pengeluaran

2. Sebuah firma mempunyai sumber yang terhad untuk menghasilkan dua jenis produk, iaitu meja dan kerusi. Firma tersebut memilih untuk menghasilkan lebih banyak meja.

Apakah jenis kos yang ditanggung oleh firma akibat pilihan tersebut?

A Kos tetap **C** Kos lepas

B Kos berubah **D** Kos pengeluaran

3. Antara pernyataan berikut, yang manakah betul?

I Titik di atas Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) menunjukkan penggunaan sumber yang cekap

II Titik di dalam Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) menunjukkan ketidakupayaan ekonomi

III Titik di luar Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) tidak dapat dicapai dengan sumber sedia ada

IV Pergerakan sepanjang Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) menunjukkan tiada masalah pilihan

A I dan II **C** II dan IV

B I dan III **D** III dan IV

4. Sebuah kilang pakaian memutuskan untuk menggunakan mesin automatik bagi menghasilkan pakaian secara besar-besaran. Apakah masalah asas ekonomi yang dapat dikenal pasti daripada keputusan tersebut?

I Apakah yang hendak dikeluarkan

II Berapa yang hendak dikeluarkan

III Bagaimana hendak dikeluarkan

IV Untuk siapa hendak dikeluarkan

A I dan II **C** II dan IV

B I dan III **D** III dan IV

5. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah negara.

"Sebahagian besar faktor pengeluaran dimiliki oleh individu dan firma. Harga barang ditentukan melalui interaksi antara kuasa permintaan dan penawaran."

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan?

A Sistem ekonomi Islam

B Sistem ekonomi pasaran bebas

C Sistem ekonomi campuran

D Sistem ekonomi perancangan pusat

6. Antara berikut, yang manakah tepat berkaitan dengan sistem ekonomi campuran?

I Kerajaan mengawal kegiatan ekonomi tertentu

II Semua faktor pengeluaran dimiliki oleh kerajaan

III Firma swasta berusaha memaksimumkan keuntungan

IV Semua keputusan ekonomi dibuat melalui mekanisme harga sahaja

A I dan II

B I dan IV

C I dan III

D II dan IV

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kertas 2

Dua jam lima belas minit

Bahagian A

[60 *markah*]

Jawab **semua** *soalan di bahagian ini.*

1. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi sebuah negara.

"Pengguna bebas memilih barang yang ingin dibeli. Kerajaan mengenakan cukai serta memberikan subsidi kepada pihak tertentu."

Bagaimanakah sistem ekonomi tersebut menyelesaikan masalah berikut:

(i) Apakah yang hendak dikeluarkan?

– Barang ekonomi ditentukan melalui mekanisme pasaran [1m]

– Barang awam disediakan oleh kerajaan [1m]

[2 *markah*]


(ii) Untuk siapa dikeluarkan?

– Barang ekonomi diagihkan berdasarkan corak agihan pendapatan [1m]


– Kerajaan mempengaruhi agihan pendapatan melalui cukai dan subsidi [1m]

[2 *markah*]

(b) Rajah 1 menunjukkan harga pakaian meningkat, menyebabkan kuantiti diminta pakaian menurun. Rajah 2 menunjukkan pendapatan pengguna meningkat, menyebabkan permintaan terhadap pakaian meningkat.



Rajah 1



Rajah 2

Bezakan perubahan dalam Rajah 1 dan Rajah 2.

Rajah 1:

– Perubahan kuantiti diminta [1m]

– Pergerakan sepanjang keluk permintaan yang sama [1m]

– Disebabkan perubahan harga barang itu sendiri [1m]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B

[40 *markah*]

Jawab mana-mana **dua** *soalan daripada bahagian ini.*

4. Maklumat berikut berkaitan dengan kerjaya Puan Aina.

Pada tahun 2021, Puan Aina telah berhenti bekerja sebagai pegawai pemasaran di sebuah syarikat dengan gaji sebanyak RM7 200 sebulan kerana ingin menceburi bidang perniagaan. Beliau menggunakan sebuah bangunan milik sendiri untuk membuka perniagaan percetakan dan tidak perlu membayar sewa premis sebanyak RM1 500 sebulan.

Perniagaan tersebut mencatatkan jumlah hasil RM32 000 sebulan, manakala jumlah kos operasi yang dibayar kepada pihak luar ialah RM18 000 sebulan. Puan Aina berpendapat bahawa perniagaannya memberikan keuntungan yang tinggi kerana jumlah hasil jauh melebihi kos operasi.

Pada tahun 2026, Puan Aina bercadang membeli mesin percetakan berteknologi tinggi melalui pinjaman bank bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran. Namun begitu, beliau menangguhkan keputusan tersebut selepas Bank Negara Malaysia menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR), yang menyebabkan kos pinjaman menjadi lebih tinggi.

***Sumber**: Diubah suai daripada www.kosmo.com.my, 3 Mac 2025*

(a) Bandingkan antara **dua** jenis pendapatan yang diterima oleh Puan Aina sebelum dan selepas tahun 2021. [6 *markah*]

(b) Mengapakah Puan Aina berpendapat sedemikian? [5 *markah*]

(c) Wajarkah keputusan Puan Aina menangguhkan pembelian mesin percetakan bagi situasi di atas? Berikan sebab anda. [9 *markah*]

5. Maklumat berikut berkaitan dengan pemberian subsidi kerajaan.

KUALA LUMPUR: Penstrukturan semula subsidi dilaksanakan secara terkawal dan bersasar supaya tidak membebankan sebahagian besar rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Pendekatan tersebut membolehkan bantuan disasarkan dengan lebih tepat, mengurangkan ketirisan serta memastikan sumber fiskal digunakan secara lebih cekap. Kerajaan juga berusaha memastikan perubahan subsidi tidak memberikan tekanan harga yang meluas kepada rakyat.

***Sumber**: Diubah suai daripada https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/akhbar/penstrukturan-semula-subsidi-dilaksana-secara-terkawal-bersasar-mof*

(a) Jelaskan jenis perbelanjaan kerajaan yang berkaitan dengan pemberian subsidi di atas. [4 *markah*]

(b) Jelaskan kesan pemberian subsidi kepada pasaran barang tempatan. [7 *markah*]

(c) Kerajaan berpendapat bahawa subsidi bersasar merupakan langkah yang sesuai untuk membantu rakyat menghadapi kos sara hidup. Kemukakan hujah anda. [9 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.